

→ HALAMAN KOTA

ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bnnews@bh.com.my

[FOTO MOHD SYAFIQ RIDZUAN AMBAK/BH]



Tindakan tidak bertanggungjawab sesetengah individu yang menconteng dinding mencemarkan pemandangan berhampiran pintu masuk Masjid Tengku Tengah Zaharah, Kuala Ibai.

Tiang yang diconteng mencemarkan pemandangan di Taman Awam Lagun Kuala Ibai.

Tangan 'gatal' cemari persekitaran

➔ Kegiatan vandalisme burukkan pemandangan di Kuala Ibai

Oleh Ashlina Abu Bakar
bhkt@bh.com.my

■ Kuala Terengganu

Sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak menconteng pelbagai kemudahan yang terdapat di sekitar kawasan rekreasi di Kuala Ibai, di sini, bukan saja mencacatkan pemandangan, tetapi juga menimbulkan rasa tidak senang pengunjung di lokasi itu.

Lebih mengecewakan apabila ada contengan bertulis perkataan tidak sepatutnya yang memaparkan rasa tidak puas hati sesetengah pihak terhadap sesetengah pihak lain.

Malah, lebih memalukan, ada sebahagiannya daripada contengan itu bertulis dengan perkataan lucah yang sekali gus mencemarkan imej bandar raya ini pada mata pengunjung khususnya pelancong luar.

Tinjauan BH di lokasi yang menjadi tumpuan ramai itu mendapati, kebanyakan tembok, pasu bunga, bangunan serta pondok di kawasan itu dipenuhi dengan perkataan yang tidak sepatutnya.

Pengunjung, Suhaila Abdul Ghani, 25, dari Gong Badak, berkata beliau tidak faham maksud di sebalik sesetengah tulisan dipaparkan, tetapi ia benar-benar menyakitkan mata.

Menyakitkan mata

"Kawasan Lagun Kuala Ibai memang menjadi tumpuan ramai sejak dahulu lagi kerana ia bukan saja menyediakan kawasan untuk orang ramai berkelah, tetapi ia juga adalah lokasi yang menempatkan antara mercu tanda di negeri ini iaitu Masjid Tengku Tengah Zaharah atau lebih dikenali sebagai Masjid Terapung.

"Jika dinding dan kemudahan yang diconteng ini tidak dicat atau diperbaharui ia bukan saja mencacatkan pemandangan di kawasan ini malah memberi pandangan buruk kepada pelancong yang datang ke sini," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Noor Aznida Alias, 37, dari Manir berkata, beliau sering berkunjung ke Lagun Kuala Ibai untuk membawa rakannya yang datang melancong ke negeri ini, selain membawa empat anak beriadah di kawasan itu.



Jika dinding dan kemudahan yang diconteng ini tidak dicat atau diperbaharui ia bukan saja mencacatkan pemandangan di kawasan ini malah memberi pandangan buruk kepada pelancong yang datang ke sini"

Suhaila Abdul Ghani,
Pengunjung

"Sayang... kerana ini tempat tarikan orang ramai. Apabila berlaku 'vandalisme' contengan daripada mereka yang tidak bertanggungjawab ini termasuk ada yang bertulis kata-kata lucah sangat tidak menyenangkan.

"Mungkin Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) boleh mengambil inisiatif mengecat contengan yang dilakukan pihak tidak bertanggungjawab ini supaya ia tidak menyakitkan mata pengunjung dan menjejaskan imej bandaraya ini," katanya.

Pengunjung, Nur Nadia Ayuni Zainudin, 16, pula berkata, beliau pernah berasa malu apabila membawa ahli keluarga yang datang melancong ke sini dan 'disajikan' dengan contengan 'indah' serta kata-kata kurang enak di tembok dan pondok di situ.

"Malu saya pada mereka ketika itu. Namun hendak buat macam mana.

"Seperti orang lain, saya juga berharap MBKT dapat mengambil tindakan memadam atau mengecat tembok yang bertulis kata-kata kurang manis termasuk menjadi medan luahan politik pihak tidak bertanggungjawab," katanya.